Dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat, aspek konteks perlu dikaji kerana aspek ini merupakan permulaan kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan kurikulum Qiraat. Aspek konteks merangkumi matlamat, objektif dan kerelevanan kurikulum Qiraat. Kajian yang dijalankan oleh Sabri Mohamad et al. (2010) dan resolusi daripada Seminar Kebangsaan Pendidikan Dan Penyelidikan Qiraat (2010) mendapati bahawa ketidakrelevanan dan tidak bersesuaian pelaksanaan kurikulum Qiraat seperti input, proses pengajaran, penilaian dan penguasaan Qiraat pelajar dengan matlamat dan objektif kurikulum Qiraat. Berbeza pula dengan kajian Zainora Daud (2015) yang mendapati bahawa pelaksanaan kurikulum Qiraat bersesuaian dengan matlamat dan objektif kurikulum Qiraat di Malaysia. Namun kajian ini hanya terhad di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran sahaja. Sehubungan itu, penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah kesesuaian pelaksanaan kurikulum Qiraat dengan matlamat dan objektif kurikulum Qiraat yang dilaksanakan di institusi pengajian yang menawarkan subjek Qiraat di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berkaitan aspek input pula, penilaian perlu dilakukan untuk memastikan matlamat dan objektif kurikulum Qiraat bersesuaian dan berjalan dengan berkesan. Untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum Qiraat, perlu ada input yang mencukupi iaitu masa pengajaran Qiraat, kandungan kurikulum Qiraat dan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Abd Rahman Abd Ghani et. al (2012) yang menjalankan kajian terhadap pelajar jabatan tahfiz di KUIS mendapati bahawa masa pengajaran Qiraat yang tidak mencukupi menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menguasai isi kandungan subjek Qiraat. Kajian Zainora Daud & Mustafa Abdullah (2014) mendapati bahawa kandungan kurikulum Qiraat yang banyak merupakan salah satu faktor penyumbang ketidakmampuan pelajar dalam menguasai subjek Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Beliau menyarankan agar pelaksanaan kurikulum Qiraat mencakupi masa pengajaran Qiraat, kandungan kurikulum Qiraat dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas perlu dipertingkatkan lagi. Justeru itu, kajian aspek input ini perlu dilaksanakan kerana penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah keperluan masa pengajaran Qiraat, kandungan kurikulum Qiraat dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk melaksanakan kurikulum Qiraat di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat.

Aspek proses perlu dinilai kerana peranan dan keupayaan guru Qiraat di dalam kelas amat penting untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum Qiraat yang telah digubal dari aspek strategi, kaedah, teknik, aktiviti, adab-adab, penggunaan BBM dan kaedah penilaian yang digunakan dalam melaksanakan kurikulum Qiraat. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Jalal Abdul Manaf (2013) mendapati bahawa guru Qiraat lemah dalam aspek strategi, kaedah pengajaran Qiraat dan amalan melakukan refleksi sama ada refleksi semasa pengajaran ataupun refleksi selepas pengajaran. Bertepatan dengan kajian Zainora Daud & Mustafa Abdullah (2014) yang mendapati kelemahan menggunakan kaedah hafazan dan pemahaman matan-matan Qiraat menyebabkan pelajar kurang berkeyakinan untuk membaca wajah-wajah Qiraat. Begitu juga hasil kajian yang yang dijalankan oleh Yusof Abdul Kadir (2007); Aishah Juri (2009); Sabri Mohamad et al. (2010); Mohd Hilmi Rozali (2010); Abd Rahman et al. (2012) dan Abdul Jalal Abdul Manaf (2013) berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat merumuskan bahawa aspek paling utama yang memerlukan kajian adalah bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Qiraat dilaksanakan. Gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan (Abdul Raof Dalip, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Aspek terakhir dalam pernyataan masalah adalah pencapaian pelajar atau produk. Hasil pencapaian pelajar merupakan aspek utama dalam menilai sesuatu kurikulum secara menyeluruh (Nagendralingan, 2000) dan perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum (Azizi Yahaya, 2001). Berdasakan resolusi Seminar Kebangsaan Pendidikan Dan Penyelidikan Qiraat yang berlangsung di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) pada 25 - 26 Disember 2010 merumuskan bahawa pencapaian pelajar terhadap ilmu Qiraat berada pada tahap sederhana sedangkan proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan ketidakseimbangan antara proses pengajaran dan pembelajaran Qiraat dengan tahap pencapaian pelajar. Faktor utama dalam permasalahan ini adalah kelemahan guru menterjemahkan pengetahuan Qiraat dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Aḥmad Kīlāni (2001) bahawa pencapaian pelajar berkait rapat dengan pengetahuan dan cara pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Zainora Daud (2015) menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar terhadap ilmu Qiraat berada pada tahap sederhana rendah. Beberapa faktor dikaitkan menjadi penyebab antaranya kelemahan tenaga pengajar, permasalahan yang berpunca daripada pelajar, masa pengajaran dan sebagainya. Begitu juga kajian Abd Rahman et al. (2012) mendapati tahap penguasaan Qiraat dalam kalangan pelajar masih di peringkat sederhana iaitu sebanyak 62.2%. Manakala kemampuan pelajar untuk mengaplikasikan dan mengamalkan bacaan Qiraat berada pada tahap yang lemah iaitu sebanyak 51.1%. Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas mendorong penyelidik untuk menilai secara mendalam pelaksanaan kurikulum Qiraat yang telah dilaksanakan di Malaysia. Penilaian kurikulum Qiraat ini menggunakan model CIPP yang merangkumi penilaian konteks, input, proses dan produk. Begitu juga penyelidik menilai persamaan dan perbezaan pelaksanaan kurikulum Qiraat yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, soalan kajian telah diwujudkan untuk dibincangkan bagi mendapatkan jawapan terhadap permasalahan yang dinyatakan di atas. Justeru, kajian yang dilaksanakan ini menetapkan sasaran untuk mencapai objektif berdasarkan komponen penilaian yang dikemukakan dalam Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2007). Objektif ini akan menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada pelaksanaan kurikulum Qiraat yang telah dilaksanakan di institusi pengajian di Malaysia. Kajian ini akan memberikan gambaran sebenar berkaitan tahap pelaksanaan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atau permasalahan yang berlaku di dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat tersebut. Objektif-objektif berikut adalah:

1.4.1 Menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma dalam penilaian konteks yang mempunyai komponen- komponen berikut:

a. Matlamat kurikulum Qiraat
b. Objektif kurikulum Qiraat.
c. Kerelevanan kurikulum Qiraat.

1.4.2 Menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma dalam penilaian input yang mempunyai komponen- komponen berikut:

a. Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran Qiraat.
b. Kandungan kurikulum Qiraat.
c. Bahan bantu Mengajar (BBM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.4.3 Menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma dalam penilaian proses yang mempunyai komponen- komponen berikut:

a. Strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat
b. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat.
c. Teknik pengajaran dan pembelajaran Qiraat.
d. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran Qiraat.
e. Adab-adab pengajaran dan pembelajaran Qiraat
f. Penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat.
g. Kaedah penilaian Qiraat.

1.4.4 Menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma meliputi penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.5 Menentukan sama ada terdapat perbezaan antara institusi pengajian terhadap pelaksanaan kurikulum Qiraat dari aspek konteks, input, proses dan produk.

1.4.6 Menentukan sama ada terdapat hubungan antara proses pengajaran Qiraat dengan pencapaian Qiraat pelajar.

1.4.7 Menentukan sama ada terdapat pengaruh antara proses pengajaran Qiraat dengan pencapaian Qiraat pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.5 Persoalan Kajian

### 1.5.1 Penilaian konteks

a. Apakah matlamat kurikulum Qiraat?

b. Apakah Objektif kurikulum Qiraat?

c. Apakah kerelevanan kurikulum Qiraat ?

### 1.5.2 Penilaian Input

a. Adakah peruntukan masa pengajaran Qiraat mencukupi?

b. Apakah kandungan Qiraat dalam kurikulum Qiraat?

c. Apakah (BBM) yang dibekalkan dalam melaksanakan kurikulum Qiraat?

### 1.5.3 Penilaian proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Apakah strategi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

b. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

c. Apakah teknik pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

d. Apakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

e. Apakah Adab-adab pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

f. Apakah penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat?

g. Apakah kaedah penilaian Qiraat?

### 1.5.4 Penilaian Produk

a. Apakah penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat peringkat diploma di Malaysia?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.5.5 Adakah terdapat perbezaan antara institusi pengajian terhadap pelaksanaan kurikulum Qiraat dari aspek konteks, input, proses dan produk?

1.5.6 Adakah terdapat perbezaan antara institusi pengajian terhadap pelaksanaan kurikulum Qiraat dari aspek konteks, input, proses dan produk?

1.5.7 Adakah terdapat hubungan antara proses pengajaran Qiraat dengan pencapaian Qiraat pelajar?

1.5.8 Adakah terdapat pengaruh antara proses pengajaran Qiraat dengan pencapaian Qiraat pelajar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian penilaian pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat yang telah dilaksanakan di Malaysia. Pelaksanaan kurikulum Qiraat yang menjadi fokus kajian ini merujuk kepada teori Pendidikan al-Quran dan Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994).

Ibn al-Jazariyy (1994) menjelaskan bahawa Pendidikan al-Quran dan Qiraat terdiri daripada tiga perkara utama iaitu hafazan, pengetahuan dan akhlak. Untuk mempelajari Ilmu al-Quran dan Qiraat mesti melalui rukun yang tiga. Pertama menepati salah satu daripada bentuk *Rasm ʻUthmāniy*, kedua menepati salah satu daripada kaedah bahasa Arab dan ketiga kesahihan *sanad.* Kesahihan *sanad* menjadi tunjang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



proses pengajaran dan pembelajaran Ilmu Qiraat (Sha‘bān, 2004). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang diadaptasi dan diubah suai daripada teori Pendidikan al-Quran dan Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994).




*Rajah 1.1.* Kerangka teori yang diadaptasi dan diubah suai daripada teori Pendidikan Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ibn al-Jazariyy (1994) turut menjelaskan bahawa syarat utama dalam Pendidikan al-Quran dan Qiraat adalah membaca al-Quran mengikut martabat atau tingkatan bacaan, membaca al-Quran dengan fasih, membaca al-Quran secara bertajwid dan menjaga *waqf* dan *ibtidā'.* Aspek proses Pendidikan al-Quran dan Qiraat pula, kaedah yang digunakan adalah kaedah *'ilmiyy* )teori) atau *'amaliyy* (praktikal). Kaedah *'ilmiyy* merangkumi *uṣūl al-Qiraat* dan *farsh al-Ḥurūf.* Manakala *'amaliyy* pula merangkumi bacaan al-Qiraat secara *ifrād* dan *jam'.* Semua proses itu mesti melalui *talaqqi dan musyāfahah* (Ibn al-Jazariyy, 1994). Proses yang merangkumi rukun, syarat dan kaedah yang sempurna menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah dinyatakan.

Kajian ini menumpukan kepada kerangka teori kajian yang menggabungkan teori Pendidikan Pendidikan al-Quran dan Qiraat dan Model Penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Daripada kerangka teori kajian ini penyelidik membina kerangka konseptual kajian yang bertepatan dengan objektif kajian. Secara umumnya objektif kajian adalah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam proses pelaksanaan kurikulum Qiraat.

Pemilihan model CIPP memberikan penekanan kepada penambahbaikan dan bukan untuk membuktikan kelemahan dan kekuatan sesuatu kurikulum. Penggunaan model CIPP dalam menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat membolehkan suatu usaha dan tindakan yang sistematik dalam mengumpul maklumat serta data kajian untuk tujuan menilai kualiti program secara menyeluruh dan berperanan sebagai proses yang akan bertindak dalam penambahbaikan kurikulum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Model CIPP ini juga dipilih kerana bersifat komprehensif dan sesuai untuk memperoleh data-data yang diperlukan dalam membuat penilaian dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat. Ia mengambil kira banyak aspek yang boleh menyumbang dan memberikan input kepada kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesuatu kurikulum.

Model CIPP bukan hanya menilai sesuatu program, tetapi menyediakan kerangka untuk mengumpul dan membekalkan maklumat yang diperlukan oleh orang lain yang akan memastikan nilai dan kejayaan sesuatu program. Kekuatan yang dikesan berdasarkan maklumat yang tepat memerlukan usaha untuk mengekalkannya. Begitu juga kelemahan yang dikesan pada tahap yang pelbagai juga diperlukan dalam usaha penambahbaikan dan memastikan ada jalan penyelesaian yang boleh dilakukan agar kelemahan tersebut dapat diatasi atau sekurang-kurangnya dapat diperbaiki. Rajah 1. 2 menunjukkan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2007).




*Rajah 1.2*. Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Model Penilaian CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007) memperkenalkan empat komponen penting dalam penilaian. Empat komponen tersebut adalah konteks, input, proses dan produk. Penilaian konteks adalah jenis penilaian yang paling asas. Penilaian ini mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program (Stufflebeam dan Shinkfield 2007). Ia bertujuan menilai status kurikulum secara menyeluruh dengan mendapatkan data berkaitan keperluan populasi dan penetapan matlamat serta objektif pelaksanaan kurikulum tersebut.

Penilaian Input adalah menganalisis strategi dan sumber yang diperoleh agar dapat memilih proses tindakan yang paling sesuai. Perkara ini dapat diselesaikan dengan mengenal pasti dan mentafsir agensi yang terlibat secara langsung. Strategi yang digunakan untuk mencapai objektif dan reka bentuk strategi pelaksanaan (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007). Ia juga menilai kemudahan dan infrastruktur dalam melaksanakan sesuatu kurikulum.

Penilaian proses adalah untuk menilai perjalanan pelaksanaan program yang mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengesan dan meramal kecacatan pada reka bentuk prosedur di peringkat pelaksanaan. Kedua, menyediakan maklumat untuk mengambil keputusan dan ketiga mengekalkan rekod prosedur yang ada. Secara keseluruhannya penilaian ini mengumpul maklumat dan data tentang program dan rekod-rekod kemajuan program tersebut (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007).

Penilaian produk pula menentukan sejauh mana program telah mencapai matlamat-matlamatnya. Penilaian ini memberikan penentu kepada sesuatu program itu patut diteruskan, ditamatkan atau diperbaiki. Penilaian ditentukan melalui kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


semula terhadap objektif, mengukur kriteria-kriteria yang menentukan pencapaian objektif dan membuat interpretasi terhadap dapatan daripada konteks, input dan proses (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007). Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang diadaptasi dan diubah suai daripada Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2007), Zawawi Ismail (2008), dan Azmil Hashim (2010).




*Rajah 1.3*. Kerangka konseptual kajian diadaptasi dan diubah suai daripada Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield 2007), Zawawi Ismail (2008) dan Azmil Hashim (2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penilaian konteks dalam kajian ini meliputi matlamat, objektif dan kerelevanan kurikulum Qiraat. Menurut Stufflebeam & Shinkfield (2007) bahawa matlamat penilaian konteks adalah untuk menentukan konteks yang releven, mengenal pasti populasi sasaran dan menilai keperluannya, mengenal pasti peluang-peluang untuk menangani keperluan, mendiagnosis masalah yang mendasari keperluan. Penilaian konteks sering dirujuk sebagai penilaian keperluan dan sering menjadi persoalan, "apa yang perlu dilakukan?" dan membantu menilai masalah, aset dan peluang-peluang dalam masyarakat yang ditetapkan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Penilaian input merangkumi peruntukan masa pengajaran Qiraat, kandungan kurikulum Qiraat dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang disediakan. Stufflebeam & Shinkfield (2007) menyatakan bahawa penilaian input membantu menetapkan satu projek untuk dikenal pasti dan menangani keperluannya. Persoalannya ialah "bagaimana ia perlu dilakukan?" mengenal pasti reka bentuk prosedur dan strategi pendidikan yang paling sesuai serta mencapai hasil yang diharapkan.

Penilaian proses mencakupi strategi, kaedah, teknik, aktiviti, adab-adab, penggunaan BBM dan kaedah penilaian yang digunakan dalam melaksanakan kurikulum Qiraat. Penilaian proses merupakan pemantauan proses pelaksanaan program dan menyediakan senarai rujuk utama untuk pemantauan berterusan. Matlamat utama penilaian proses mendokumentasi maklumat proses dan menyediakan maklum balas mengenai aktiviti yang telah dirancang dapat dijalankan, penyelarasan atau semakan dibuat terhadap pelan tindakan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala penilaian produk adalah menilai pelaksanaan kurikulum Qiraat di institusi tahfiz kerajaan dan persendirian meliputi penguasaan pelajar dalam ilmu Qiraat dalam tujuh aspek penilaian proses yang diberikan perhatian. Stufflebeam & Shinkfield (2007) menyatakan bahawa penilaian produk mengenal pasti dan menilai hasil program untuk menentukan sama ada ia berjaya atau tidak. Tujuan penilaian produk adalah untuk mengukur, mentafsir dan menilai hasil dapatan dengan jujur. Penilaian produk juga untuk melihat keperluan pengisian telah dipenuhi atau perlu penambahbaikan.

Setelah semua data bagi setiap komponen dalam empat komponen penilaian diperoleh, keputusan terhadap keberkesanan pelaksanaan kurikulum Qiraat akan dibuat. Keputusan ini akan mencadangkan perubahan dan inovasi terhadap pelaksanaan kurikulum Qiraat ini diberi perhatian berdasarkan data-data yang diperoleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model CIPP telah mengemukakan empat jenis keputusan perubahan iaitu metamorfik, homeostatik, inkremental dan neomobilistik. Keputusan homeostatik bererti ia tidak memerlukan satu bentuk perubahan untuk mengekalkan perseimbangan yang sedia ada dalam sesuatu program atau kurikulum berdasarkan maklumat yang relevan dan berisiko rendah. Ini menunjukkan komponen tersebut adalah stabil dan usaha hanya perlu dilakukan dalam mengekalkan kestabilan mana-mana komponen.

Manakala keputusan neomobilistik menekankan kepada usaha dan inovasi yang lebih tinggi serta lebih menyeluruh. Inovasi dan perubahan yang perlu dilakukan untuk menghasilkan perubahan secara besar-besaran dalam mengatasi masalah yang signifikan dan memperkenalkan perkara-perkara yang baharu. Ia memerlukan perhatian yang lebih tinggi dengan perancangan dan perubahan yang lebih meluas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Adapun keputusan yang keempat iaitu keputusan metamorfik sangat jarang berlaku dalam sistem pendidikan kerana ia membawa implikasi program tersebut perlu diubah dan dikemas kini secara total dan menyeluruh (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Komponen yang memerlukan perubahan ini perlu dinilai dan dikaji kembali dari sudut kewajaran dan keperluannya dalam sesuatu kurikulum atau program pendidikan yang dijalankan.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk menilai :

I. Pelaksanaan kurikulum Qiraat dalam aspek konteks memfokuskan kepada guru sebagai pelaksana kurikulum. Kajian ini akan memberikan gambaran sebenar persetujuan guru terhadap matlamat, objektif dan hasil pembelajaran Qiraat serta pandangan mereka terhadap kurikulum ini. Ini akan menunjukkan bahawa kurikulum Qiraat yang ditawarkan di institusi tahfiz kerajaan dan persendirian relevan atau tidak dengan keperluan ilmu Qiraat di Malaysia hari ini.

II. Dalam aspek input, kajian ini akan menilai penilaian peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran Qiraat, kandungan Qiraat dalam kurikulum Qiraat di samping BBM yang disediakan kepada guru untuk melaksanakan kurikulum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



III. Dalam aspek proses pula, kajian ini akan memberikan bagaimana proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qiraat dilaksanakan dengan menilai strategi, kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru. Dalam aspek ini juga akan dinilai adab-adab dan aktiviti yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan tahap penggunaan BBM.

IV. Kajian ini juga akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat sama ada pada konteks, input, proses atau produk. Mengenal pasti kekuatan yang telah dilaksanakan penting agar kita mengetahui kekuatan sebenar yang ada pada kita. Seterusnya memaksimumkan kekuatan ini untuk memastikan pelaksanaan kurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Manakala kelemahan pula yang dikenal pasti memerlukan pemulihan dan penyelesaian yang segera agar kesempurnaan pelaksanaan kurikulum dapat dimaksimumkan.

V. Pihak institusi tahfiz yang terlibat dalam kajian ini boleh mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat sama ada pada konteks, input, proses atau produk. Kajian ini boleh dijadikan model kepada penilaian pelaksanaan kurikulum Qiraat yang akan dilaksanakan.

VI. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada badan penilai akademik seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia MQA) dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Badan penilai ini boleh memberi pandangan dan cadangan mengenai kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma di Malaysia.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada :

I. Guru yang mengajar Qiraat di institusi pengajian di Malaysia yang menawarkan subjek Qiraat walaupun dengan satu subjek sahaja di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat. Fokus kajian ini tidak melibatkan guru yang tidak mengajar Qiraat di institut pengajian di Malaysia walaupun mempunyai latar belakang Pendidikan Qiraat. Begitu juga institusi pengajian yang tidak menawarkan subjek Qiraat dan guru Qiraat yang berada di peringkat Menengah dan Sarjana Muda tidak termasuk dalam kajian ini. Ini bukan bererti penyelidik mengabaikan guru di institusi pengajian yang lain tetapi penyelidik hanya memfokuskan guru yang mengajar Qiraat sahaja untuk menilai persamaan dan perbezaan pelaksanaan kurikulum Qiraat yang dijalankan.

II. Pelajar syukbah Qiraat di institusi pengajian di Malaysia. Ini bukan bererti penyelidik mengabaikan pelajar syukbah lain di Darul Quran JAKIM dan institusi pengajian yang lain tetapi penyelidik hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



memfokuskan kepada pelajar yang belajar Qiraat sahaja untuk menilai persamaan dan perbezaan pelaksanaan kurikulum Qiraat yang dijalankan.

III. Kurikulum Qiraat yang menggunakan sistem semester di peringkat program diploma yang menawarkan pengajian Qiraat di institusi pengajian di Malaysia. Fokus kajian ini tidak melibatkan kurikulum Qiraat yang tidak menggunakan sistem semester. Begitu juga tidak melibatkan program-program di peringkat yang lain seperti menengah, program pensijilan dan ijazah.

IV. Aspek kajian hanya memberi fokus kepada empat komponen Model Penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk. Fokus kajian ini tidak melibatkan aspek-aspek lain dalam Model Penilaian CIPP. Ini bukan bererti penyelidik mengabaikan aspek-aspek lain tetapi ia tidak disenaraikan dalam Model Penilaian CIPP yang menjadi rujukan penyelidik dalam perancangan kajian, pelaksanaan dan peringkat penulisan laporan kepada kajian yang dijalankan. Pembatasan ini perlu dilakukan kerana ia melibatkan kekangan kewangan dan tempoh masa yang terhad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.9 Definisi Istilah Kajian

Beberapa konsep dan istilah diperjelaskan bagi memudahkan pelaksanaan dan pemahaman penyelidik dalam kajian ini. Konsep penting yang digunakan dan dijadikan fokus utama kajian dihuraikan definisi operasional yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Pandangan dan pendapat tokoh-tokoh tertentu dijadikan asas panduan serta pengetahuan.

### 1.9.1 Penilaian Kurikulum

Menurut Stufflebeam (2003) bahawa penilaian adalah satu proses perancangan, pemerolehan, laporan dan pelaksanaan secara deskriptif. Penilaian maklumat tentang kebaikan, nilai, kejujuran dan signifikan dalam mengawal dan membuat keputusan, pertanggungjawaban, menyebarkan amalan yang efektif dan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu program pendidikan. Ahmad Mohd Salleh (2008) menyatakan bahawa penilaian merupakan suatu proses atau suatu sistem yang merangkumi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya, seperti merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang selanjutnya dengan lebih berkesan.

Penilaian dalam kajian ini bermaksud satu proses untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum Qiraat untuk dianalisis. Keputusan analisis akan dipadankan dengan objektif dalam kurikulum Qiraat untuk membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



keputusan dalam memperbaiki pelaksanaan kurikulum Qiraat peringkat diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat di institusi pengajian di Malaysia.

### 1.9.2 Pelaksanaan Kurikulum

Menurut Ornstein & Hunkins (2009) bahawa kejayaan pelaksanaan sesuatu kurikulum merupakan satu proses yang boleh membawa sesuatu perubahan baru. Ia melibatkan proses penstrukturan semula dan menggantikan yang lama dengan yang baru. Proses ini memerlukan penyesuaian dari segi kebiasaan personel, persekitaran pembelajaran, kurikulum yang dimasukkan dan prosedur yang digunakan. Pelaksanaan Kurikulum Qiraat dalam kajian ini merujuk kepada pelaksaaan kurikulum yang digubal dan diguna pakai untuk subjek Qiraat dalam peringkat diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat di institusi pengajian di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Kurikulum Qiraat

Menurut al-Qāḍiy (1989) bahawa kurikulum Qiraat adalah perselisihan wajah-wajah Qiraat dan bacaan al-Quran. Ia menghuraikan *manhaj* (kurikulum) bacaan setiap imam Qiraat dan perawinya serta dapat membezakan *khilaf* (perselisihan) bacaan antara imam-imam Qiraat dan perawi-perawinya. Khayr al-Dīn Sayyb (2008) pula menyatakan bahawa kurikulum Qiraat membezakan antara Qiraat yang *mutawātir* dan Qiraat yang *shadh* untuk mengetahui Qiraat yang boleh dibaca atau tidak boleh dibaca. Ianya menjadi benteng atau garis panduan daripada sebarang penyelewengan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pemalsuan ayat-ayat al-Quran. Penyusunan ilmu Qiraat yang telah disusun oleh para ‘ulama’ yang terdahulu memberi impak yang besar dalam kalangan umat Islam untuk memberi kemudahan di dalam pembacaan al-Quran.

Kurikulum Qiraat dalam kajian ini bermaksud kurikulum yang digubal untuk subjek Qiraat dan ditawarkan dalam peringkat diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat di institusi pengajian di Malaysia.

### 1.9.4 Ilmu Qiraat

Muḥaysin (1982) dan al-Qāḍiy (1989) menyatakan bahawa al-Qiraat membawa maksud satu ilmu yang membincangkan tentang kalimah-kalimah al-Quran dan cara menyebut kalimah-kalimah tersebut seperti *madd*, *qaṣr*, *imālah*, *tashīl* dan sebagainya yang dimasyhurkan oleh pembawanya. Menurut al-Bannā (1987) bahawa al-Qiraat adalah suatu ilmu yang diketahui daripadanya permuafakatan pembawa-pembawa kitab Allah s.w.t (wajah-wajah bacaan Qiraat) dan perselisihan mereka dalam perkara-perkara seperti *hazf*, *ithbāt*, *al-faṣl*, *al-waṣl*, dan lain-lain bacaan dari segi pendengaran. Menurut Ibn al-Jazariyy (1977) bahawa al-Qiraat adalah suatu cabang ilmu tatacara dan melengkapkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaan-perbezaan yang disandarkan kepada pembawanya. Ilmu Qiraat dalam kajian ini bermaksud Ilmu Qiraat yang berada di dalam *manhaj* (kurikulum) yang ditawarkan dalam peringkat diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat di institusi pengajian di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.5 Kerelevanan Kurikulum Qiraat

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010) menyatakan bahawa maksud kerelevanan adalah perihal atau keadaan relevan, pertalian, hubungan, ada kaitan atau hubungannya dengan apa yang dibicarakan dan apa yang berlaku. Kerelevenan Kurikulum Qiraat dalam kajian ini bermaksud kesesuaian pelaksanaan kurikulum Qiraat dengan matlamat dan objektif kurikulum Qiraat yang dilaksanakan di institusi pengajian yang menawarkan subjek Qiraat di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat.

### 1.9.6 Kandungan Kurikulum Qiraat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Ma‘ṣarawiy (2009) menyatakan bahawa kandungan kurikulum Qiraat terbahagi kepada dua bahagian iaitu *Qiraat ‘Ilmiyy* (teori) juga disebut sebagai *‘ilm al-Dirāyah* dan *Qiraat ‘Amaliyy* (praktikal) yang disebut sebagai *‘ilm al-Riwāyah.* Kandungan kurikulum Qiraat dalam kajian ini adalah *Qiraat ‘Asharah* (Qiraat Sepuluh) yang terdiri daripada *Qiraat Sab‘* (Qiraat Tujuh) bersumberkan matan *Hirz al-Amāniy wa Wajh al-Tahāniy* atau lebih dikenali sebagai Matan *al-Shāṭibiyy* dan *Qiraat Thalath* (Qiraat Tiga) bersumberkan matan *al-Durrah al-Maḍiayyah* atau lebih dikenali sebagai Matan *Durrah. Qiraat ‘Asharah* (Qiraat Sepuluh) ini diajar secara *Qiraat ‘Ilmiyy* (teori) dan *Qiraat ‘Amaliyy* (praktikal) (Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wa Qiraat, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.7 Kaedah Pengajaran Qiraat

Menurut Mohd Yusuf Ahmad (2005) bahawa kaedah ialah satu cara pengajaran yang digunakan pada keadaan tertentu mengikut kesesuaian dan kehendak tajuk yang diajar serta guru yang mengajar. Ia adalah kaedah umum yang dilaksanakan hampir kepada semua mata pelajaran. Apa saja cara yang guru lakukan untuk memberi faham kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran, maka ia dinamakan kaedah. Kaedah pengajaran Qiraat dalam kajian ini adalah kaedah pengajaran yang digunakan di institusi pengajian yang menawarkan subjek Qiraat di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat seperti hafazan matan, menghurai dan menunjuk cara bacaan Qiraat berdasarkan Matan *al-Shāṭibiyy* dan matan *Durrah* secara *Qiraat ʻIlmiyy* (teori) dan *Qiraat ʻAmaliyy* (praktikal).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.8 Pencapaian Qiraat Pelajar

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010), pencapaian bermaksud mendapatkan sesuatu dengan usaha. Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib (2006) menyatakan bahawa pencapaian bermaksud kejayaan atau kegagalan pelajar bagi satu-satu ujian, peperiksaan dalam sekolah atau peperiksaan piawai yang direkabentuk, ditadbir, diberi markah dan diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut khasnya untuk penilaian di sesebuah negara. Pencapaian Qiraat Pelajar dalam kajian ini diukur melalui ujian *Qiraat Ilmi (Teori)* yang dijalankan secara bertulis dan ujian *Qiraat Amali (praktikal)* dijalankan secara secara *syafawi* (oral).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 PENUTUP

Bab ini telah menjelaskan tentang pendahuluan, latar belakang pendidikan Qiraat dan perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan Qiraat di Malaysia, pernyataan masalah yang menghuraikan permasalahan serta isu yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat, objektif dan persoalan kajian. Bab in diteruskan dengan kerangka teori kajian yang menggabungkan dua unsur penting iaitu teori Pendidikan al-Quran dan Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994) dan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007). Di akhir bab ini terdapat kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi-definisi istilah yang berkaitan dengan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi